

BPR Fasa 3 dibayar mulai esok

BH - 22/9/2021 mlr: 2

3.6 juta terima manfaat dengan nilai peruntukan RM2.82 bilion

Oleh Saiful Haizan Hasam
saiful.haizan@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pembayaran Bantuan Prihatin Rakyat (BPR) Keluarga Malaysia Fasa 3 dan rayuan BPR, akan dikreditkan ke dalam akaun penerima bermula esok.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pembayaran secara berperingkat itu dijangka selesai pada Khamis ini.

Beliau berkata, pembayaran itu akan memanfaatkan 3.6 juta penerima sedia ada kategori isi rumah dan pemohon rayuan BPR yang sudah diluluskan, membatikan peruntukan berjumlah RM2.82 bilion.

“Bagi Fasa 3, setiap penerima bakal memperoleh hingga RM1,400, manakala penerima bayaran rayuan BPR pula hingga RM2,300, termasuk bayaran BPR tambahan bawah Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) bernilai hingga RM500

bagi setiap penerima, mengikut kategori kelayakan masing-masing iaitu berdasarkan status perkahwinan, jumlah pendapatan isi rumah serta bilangan anak.

“Pembayaran Fasa 3 ini adalah penyaluran penuh baki nilai yang sepatutnya diperoleh pene-

rima BPR dan rayuan BPR untuk meringankan beban mereka,” katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan terus komited memastikan kesejahteraan Keluarga Malaysia sentiasa terbela,

“Pembayaran Fasa 3 ini adalah penyaluran penuh baki nilai yang sepatutnya diperoleh penerima BPR dan rayuan BPR untuk meringankan beban mereka”



Ismail Sabri Yaakob,
Perdana Menteri

terutama kumpulan sasar yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Antara lain, beliau berkata, beberapa bantuan tunai seperti Bantuan Khas COVID-19 (BKC) dan Bantuan Kehilangan Pendapatan (BKP) akan diberi kepada penerima yang layak.

“Pembayaran bantuan itu dijadual disalurkan pada Oktober hingga Disember depan,” katanya.

Penerangan lanjut berhubung pembayaran BPR Fasa 3 akan diperincikan Kementerian Kewangan.

Keluarga Malaysia boleh merujuk soalan lazim (FAQ) dalam portal rasmi BPR, iaitu <https://bpr.hasil.gov.my>, untuk mendapatkan maklumat lanjut.